

FENOMENA MEME SEMAKIN MENULAR

Oleh: Muhammad Hafiz bin Mohamad Kamal, 1171816

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 14 Ogos 2020



Kewujudan meme dalam dunia internet hari ini bukanlah sesuatu perkara yang baharu tetapi ramai juga yang tidak tahu tentangnya.

Meme telah menjadi satu fenomena pada masa kini di mana ia dijadikan sebagai hiburan dan jenaka di internet terutamanya dalam media sosial.

Istilah meme pertama kali digunakan dalam buku *The Selfish Gene* yang ditulis Richard Dawkins iaitu seorang ahli etologi dan ahli biologi evolusi dari Britain.

Dawkins memberi maksud meme sebagai suatu gagasan, perilaku dan gaya yang menular daripada seseorang ke orang lain.

Daripada pernyataan Dawkins itu, kita boleh mengambil kesimpulan bahawa meme mempunyai ciri utama iaitu tular.

Ketika ini, meme terus berkembang di internet terutamanya di semua media sosial dan tersebar dengan sangat pantas.

Penghasilan meme boleh dilihat dalam pelbagai dimensi sama ada dalam bentuk gambar, video, teks, frasa, lagu dan banyak lagi namun yang popular adalah meme dalam bentuk gambar dan grafik.

Gambar itu diberi frasa atau perkataan yang sesuai untuk mendukung ekspresi dari gambar tersebut.

Antara faktor yang mendorong dan menggalakkan lagi penghasilan meme adalah kerana kewujudan media komunikasi yang semakin hari semakin canggih.

Fenomena meme merupakan salah satu hobi yang sering dilakukan oleh sesetengah anggota masyarakat yang aktif menggunakan media sosial untuk menghasilkan sesuatu maklumat secara benar ataupun sebaliknya dengan tujuan menarik perhatian mengenai sesuatu isu yang ingin dikongsikan dengan masyarakat.

Meme selalu digunakan untuk sindiran, ungkapan perasaan, motivasi, melawak dan banyak lagi.

Malangnya, terdapat sesetengah meme yang dihasil dan dikongsikan oleh sesetengah individu yang tidak bertanggungjawab dengan tidak mempedulikan tentang kesahihan sesuatu maklumat.

Selain itu, ada juga sesetengah netizen yang menghasilkan meme berkaitan isu-isu sensitif atau sindiran yang melampau dengan tujuan sebagai sumber hiburan tanpa mempertimbangkan kesan buruk hasil daripada penyebaran sesuatu maklumat yang berunsur fitnah atau diskriminasi.

Ada juga meme yang dihasilkan untuk mengaibkan dan menjatuhkan maruah seseorang individu.

Ini adalah sama sekali bertentangan dengan ajaran Islam. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud, “Tidak masuk syurga orang yang menyebarkan fitnah (mengadu domba).” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Jelaslah bahawa sikap suka menabur fitnah dan menyebarkan berita yang tidak sahih boleh mengundang kemurkaan Allah SWT.

Walaupun penghasilan meme tidak salah tetapi ia perlu bebas dari unsur-unsur fitnah dan tidak bertujuan menjatuhkan air muka atau menyakiti hati orang lain.